

BERITA ONLINE

BERNAMA

TARIKH: 09 SEPTEMBER 2022 (JUMAAT)

BERNAMA.com

MNIG himpunkan pemain industri nano di Malaysia



**KEMENTERIAN SAINS,
TEKNOLOGI DAN INOVASI**
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

PUTRAJAYA, 9 Sept (Bernama) – Malaysia Nanotechnology Industrial Group (MNIG) ditubuhkan secara rasmi hari ini sebagai medium menghimpunkan pemain industri nano di Malaysia bagi mewakili industri nanoteknologi di Malaysia.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berkata MNIG berperanan sebagai medium untuk menjalin kerjasama erat antara syarikat nanoteknologi, perusahaan kecil dan serdehana (PKS) dan pemegang taruh lain, serta membantu penyelarasan antara syarikat dalam rangkaian bekalan produk teknologi nano.

“MNIG juga bertanggungjawab menawarkan perkhidmatan pentadbiran, nasihat atau kawalan kewangan, sokongan maklumat dan kesetiausahaan kepada ahlinya.

“Ia turut menyediakan perwakilan industri, nasihat peraturan, advokasi perniagaan, pensijilan pengesahan dan keselamatan serta bantuan nasihat yang kosefektif dalam bidang dasar industri,” menurut MOSTI dalam kenyataan hari ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Dr Adham Baba dalam kenyataan sama berkata MNIG akan dapat membantu industri nanoteknologi di peringkat serantau dengan mengambil peluang perkembangan pasaran nanoteknologi Asia Pasifik yang diunjurkan mencapai lebih US\$2.6 trilion pada 2025.

Menurutnya, nilai jualan tahunan produk nano tempatan yang telah mendapat pensijilan NanoVerify diunjurkan kira-kira RM490.1 juta pada tahun ini.

– BERNAMA